

Tun M tak tahu usul undi percaya

11/2/2020

Cyberjaya: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak tahu menahu mengenai usul undi percaya terhadap kepeimpinannya pada Sidang Dewan Rakyat, bulan depan.

Perdana Menteri yang ditemui selepas program dialog bersama ahli Dewan Perniagaan dan Industri Perancis Malaysia (CCI-FM) di sini, semalam berkata, beliau sudah pun menjadi Perdana Menteri ketika ini.

“Saya tidak tahu apa (usul) yang mereka akan lakukan. Saya sudah menjadi Perdana Menteri. Jika mereka mahu sokong saya, terima kasihlah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai laporan media kelmarin, bahawa wakil rakyat PAS akan membentangkan usul undi percaya terhadap Dr Mahathir di Dewan Rakyat, bulan depan.

Timbalan Presiden PAS, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man dilaporkan berkata, pembentangan usul undi percaya itu perlu dalam menangani kemelut peralihan kuasa ketika ini membabitkan Dr Mahathir yang didakwa ‘menggangu kestabilan politik dan ekonomi’.

“Kami melihat ada keperluan Perdana Menteri meneruskan kepeimpinannya sehingga penggalnya tamat,” katanya.

Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan, dilaporkan berkata partinya juga berkemungkinan menyokong usul undi percaya itu.